

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3/(73)
Tarikh : 6 Julai 2000

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan Sabah dan
Wilayah Persekutuan Labuan.

Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah dan
Wilayah Persekutuan Labuan.

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN
MALAYSIA SABAH BIL. 6/2000**

**PERATURAN PENGGUNAAN "SYARIKAT BERTARAF BUMIPUTERA" DAN "BUMIPUTERA
SEKATAN BIDANG" BAGI SYARIKAT-SYARIKAT YANG BERDAFTAR DENGAN
PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH DALAM BIDANG BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pada masa ini Perbendaharaan Malaysia Sabah ada mengeluarkan dua (2) jenis Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera bagi syarikat-syarikat yang telah diiktiraf sebagai syarikat Bumiputera. Sijil-sijil berkenaan adalah:

- 2.1. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera - seperti di **Lampiran A.**
- 2.2. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (Sekatan Bidang) - seperti di **Lampiran B.**

3. **Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera** dikeluarkan kepada syarikat yang telah memenuhi syarat-syarat pengiktirafan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 3.1. Penguasaan Bumiputera sekurang-kurangnya 51% dari segi pemilikan modal, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja.
- 3.2. Jawatan-jawatan utama (key-posts) dalam syarikat terutamanya Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)/Setaraf dan Pengurusan Kewangan dipegang oleh individu Bumiputera.
- 3.3. Mempunyai modal berbayar atau modal terkumpul **sekurang-kurangnya RM10,000.00.**

- 3.4. Mempunyai premis perniagaan, samada milik sendiri atau disewa.
 - 3.5. Berdaftar dalam mana-mana bidang Bakalan dan Perkhidmatan seperti tersenarai dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 16/1993.
4. **Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (Sekatan Bidang)** pula dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:-
- 4.1. Penguasaan Bumiputera sekurang-kurangnya 51% dari segi pemilikan modal, Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Pekerja.
 - 4.2. Jawatan-jawatan utama (key-posts) dalam syarikat terutamanya Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)/Setaraf dan Pengurusan Kewangan di pegang oleh individu Bumiputera.
 - 4.3. Mempunyai modal berbayar atau modal terkumpul **kurang daripada RM10,000.00**.
 - 4.4. Beroperasi di rumah kediaman.
 - 4.5. Berdaftar dalam Bidang Sekatan sahaja, iaitu:
 - (a) Membekal **makanan** di bawah sub - bidang 080200, 080300 dan 080501
 - (b) Membekal **Tanaman dan Baka Ternakan** di bawah sub - bidang 120201 dan 120202;
 - (c) Perkhidmatan **Penyewaan dan Pengurusan** di bawah sub-bidang 220203, 220205 dan 220206;
 - (d) Perkhidmatan **mencuci dan membersihkan** di bawah sub - bidang 220401, 220402, 220403, 220404, 220405, 220506 dan 220488;
 - (e) Perkhidmatan **Gunatenaga (Kontrak Buruh)** di bawah sub - bidang 220501; dan
 - (f) Perkhidmatan **Pengindahan** di bawah Sub - bidang 220801, 220802, 220803 dan 220888.
5. Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (Sekatan Bidang) akan digugurkan sekiranya syarikat berkenaan telah memohon berdaftar bidang-bidang selain daripada Bidang Sekatan seperti

dinyatakan di para 4.5. Walau bagaimanapun syarikat tersebut boleh memohon pengiktirafan syarikat bertaraf Bumiputera sekiranya syarikat tersebut memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

6. Sehubungan dengan ini saya memohon kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, dalam urusan pengendalian perolehan samada secara sebutharga atau tender yang dikhaskan kepada syarikat bertaraf Bumiputera hendaklah memastikan perkara-perkara berikut:

- 6.1. Syarikat mengemukakan Sijil Asal Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera atau Sijil Asal Akuan Pendaftaran Kontraktor Bumiputera (Sekatan Bidang) tertakluk kepada bidang-bidang yang dipelawa oleh sesuatu Jabatan/Agensi.
- 6.2. Bagi urusan perolehan sebutharga/tender dalam Bidang Sekatan, syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Akuan seperti di Lampiran A dan Lampiran B adalah layak memohon mendapatkan/membeli dokumen tawaran.
- 6.3. Bagi urusan perolehan sebutharga/tender dalam bidang selain daripada Bidang Sekatan, hanya syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Akuan seperti di Lampiran A sahaja yang layak memohon mendapatkan/membeli dokumen tawaran.

7. Sekiranya pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan menghadapi sebarang masalah berhubung status sesebuah syarikat atau tentang kesahihan taraf Bumiputera, pejabat ini bersedia membantu dan memberikan maklumat yang berkaitan.

8. Di atas perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

T.T

(**DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI**)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.